

Newspaper	Berita Harian
Date	28/10/2011

## 'Pembangkok suka putar fakta'

**K**UALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad (kanan) menasihatkan lebih 110,000 peneroka supaya tidak terpengaruh dengan dakwah pembangkang mengenai isu penyenaaran FELDA Global Ventures Holdings Sdn Bhd (FGVH) di Bursa Malaysia, tahun depan.

Bekas Perdana Menteri itu juga mengingatkan peneroka FELDA di seluruh negara mengenai tindakan pembangkang yang gemar memutar-belitkan fakta sebenar berhubung perkara itu.

"FELDA ni dapat macam-macam. Dalam pada itu FELDA ada perniagaan yang berjaya, harga minyak kelapa sawit naik sampai RM3,000 lebih, dulu RM600 lebih saja. Jadi jangan dengar pembangkang, pembangkang tak ada satu pun baik yang dia kata," katanya selepas merasmikan Simposium Usahawan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) di sini, semalam.

Beliau mengulas mengenai langkah kerajaan untuk menyenarai FGVH dan Koperasi Pemodalan FELDA Berhad (KPF) yang dijang-



ka memberi manfaat kepada peneroka di seluruh negara.

Ketika ini, pendapatan purata peneroka adalah antara RM4,000 hingga RM5,000 sebulan.

Dr Mahathir ialah individu yang mencadangkan penyenaaran FELDA pada 2003 ketika menjadi Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, penyenaaran FELDA dilihat bakal membuka nilai sebenar syarikat ber-

keenan dan pada masa sama hak peneroka masih dilindungi dan kekal menjadi milik mereka.

"Yang pasti, penyenaaran itu bakal memberi manfaat besar kepada semua termasuk pelabur tempatan dan asing," katanya.

Di MERSING, Ketua Peneroka FELDA Kebangsaan, Samsuddin Othman, berkata selepas penyenaaran itu, peneroka dapat meningkatkan pendapatan, selain menikmati kebajikan sosial yang lebih baik.

"Kalau selama ini peneroka melabur saham dalam KPF itu pun sudah sampai dividen 18 atau 15 peratus tetapi apabila FGVH dan KPF ke bursa Malaysia, dijangka pendapatan peneroka lebih daripada dividen dan bonus yang dinikmati selama ini," katanya ketika ditemui di kediamannya di FELDA Tenggaroh Timur Satu di sini, semalam.